

21 APR 1998

Mahathir-Britain

DR MAHATHIR MINTA PENIAGA KETEPIKAN PEMIKIRAN NEGATIF

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata masyarakat perniagaan tempatan perlu mengetepikan pemikiran negatif sebaliknya menetapkan dengan jelas hala tuju mereka untuk merangsang pemulihan ekonomi negara.

"Untuk bergantung kepada ihsan kerajaan ataupun menuduh kerajaan, bukannya cara untuk berjaya," kata Perdana Menteri ketika melancarkan Majlis Perniagaan Malaysia-British di sini.

Sambil berkata Malaysia dan Asean telah menerima Wawasan 2020 manakala Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) telah menubuhkan satu kumpulan untuk merangka satu wawasan jangka panjang bersama, beliau berpendapat bahawa dengan menetapkan wawasan yang jelas, satu laluan akan tersedia untuk ke masa depan.

"Malangnya, dalam perniagaan, sedikit sahaja daripada tokoh perniagaan atau badan korporat kita mempunyai wawasan mengenai masa depan mereka dalam tempoh 10 atau 20 tahun ini.

"Pandangan jangka pendek dan negatif tidak akan membawa kita keluar daripada kesulitan yang sedang dialami," kata Dr Mahathir.

Untuk berjaya, Malaysia memerlukan perkongsian bijak melibatkan kerajaan, ahli perniagaan, pekerja dan "rakan asing" untuk sama-sama berusaha memajukan lagi negara ini, katanya.

"Dengan kerjasama erat, wawasan yang jelas dan strategi proaktif, kita mampu muncul semula sebagai kuasa ekonomi serantau. Ianya sukar, ia memakan masa tetapi akhirnya kita akan berjaya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri memberi jaminan kepada pelabur asing bahawa mereka akan dapati persekitaran yang mesra kepada perniagaan di negara ini kerana kerajaan sedar ia secara bersendirian tidak mampu membangunkan Malaysia.

"Walaupun kita menggalakkan semangat berdikari, kita juga tahu bahawa dalam dunia yang saling bergantung dan berhubung ini, kita perlu berusaha bersama-sama rakan-rakan asing untuk memajukan negara kita," katanya.

Dr Mahathir juga berkata setelah kemerosotan nilai dan ketidaktentuan mata wang kini agak stabil, sekaranglah masanya untuk melabur di Malaysia.

Dr Mahathir berkata majlis perniagaan itu dapat menggalakkan pelaburan dua hala selain membantu menjalin perkongsian dalam perniagaan dan usaha sama di negara-negara ketiga.

"Sebagai sendi kekuatan Asia, Malaysia berkedudukan baik untuk pelabur asing memasuki pasaran Asia yang mempunyai 500 juta penduduk selain ke pasaran China, India dan Asia Barat berdasarkan hubungan kami daripada segi sejarah, budaya dan agama," katanya.

Perdana Menteri memuji objektif Majlis Perniagaan Malaysia-British untuk menyediakan peluang bagi industri kecil dan sederhana yang selaras dengan hasrat Mesyuarat Asia-Eropah.

Dr Mahathir berkata Malaysia menyambut baik pelaburan asing dan ia sentiasa mengamalkan sistem ekonomi bebas dan terbuka.

Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, David Moss, ketika membaca perutusan kerajaannya berkata, Britain yakin Malaysia akan pulih daripada kegawatan ekonominya tidak lama lagi dan sekaranglah masanya "rakan seperti Malaysia dan Britain mesti bersatu dan dilihat bersatu."

Beliau berkata pelancaran majlis perniagaan bersama itu adalah bukti kerjasama itu selain kesediaan Britain memainkan peranan dalam ekonomi Malaysia.

"Majlis ini akan membuka ruang baru di Britain kepada syarikat-syarikat

Malaysia," katanya.

Britain merupakan rakan dagangan Malaysia yang kesembilan terbesar. Pada 1996, jumlah dagangan ialah RM11.9 bilion.

Dr Mahathir juga menyampaikan surat pelantikan kepada anggota majlis itu dari Malaysia.

-- BERNAMA

MAM MAI